

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan dan projek-projek infrastruktur luar bandar yang diluluskan kepada negeri Sarawak sepanjang tahun 2018 menurut pecahan kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jalan Luar Bandar (JALB)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2018 sebanyak RM350.0 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan enam (6) projek Jalan Luar Bandar di Negeri Sarawak. Status semasa projek ini adalah di pelbagai peringkat iaitu tiga (3) di dalam peringkat perancangan dan tiga (3) projek sedang dalam proses pelantikan perunding.

Projek JALB Tahun 2018 mengikut pecahan Parlimen adalah seperti berikut :

NO. SOALAN : 12

Bil.	Nama Projek	Parlimen	Kos Projek (RM juta)
i.	Naiktaraf Jalan Masuk Sepanjang 8 Km Dari Simpang Utama Ke Kawasan Rumah Panjang Ulu Undup, Batu Lintang, Sarawak	Sri Aman	30.0
ii.	Menaiktaraf Jalan Kampung Tanjung Poting/Tanjung Sanibong/Tanjung Bawong, Bau, Kuching, Sarawak	Mas Gading	50.0
iii.	Sambungan Jalan Dari Ijok Ke Muman, Sarawak (Gravel Road)	Betong	15.0
iv.	Jalan Kpg. Lubok Samsu/ Kpg. Setamen/ Kpg. Sabang/ Kpg. Semangaal/ Kpg. Tanjung Tanglong/ Kpg. Sg. Ba, Simunjan, Bahagian Samarahan, Sarawak	Kota Samarahan	82.0
v.	Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Tegulang (Fasa 5) Di Kapit Sarawak	Hulu Rajang	61.0
vi.	Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Metalun (Fasa 6) Di Kapit, Sarawak	Hulu Rajang	112.0
Jumlah Keseluruhan			350.0

Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

2. Di bawah RMKe-11 bagi tahun 2018 terdapat sebanyak 10 projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak yang akan dilaksanakan. Nilai kos keseluruhan projek tersebut adalah sebanyak RM236.2 juta. Daripada 10 projek tersebut, 4 projek telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) Perunding manakala baki adalah masih di peringkat perlantikan semula perunding.

NO. SOALAN : 12

3. Bagi Parlimen Julau terdapat satu projek Bekalan Air Luar Bandar yang sedang dalam pelaksanaan iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Julau Fasa II, Bahagian Julau, Negeri Sarawak. Anggaran kos peruntukan bagi projek ini adalah sebanyak RM65.9 juta. Status Projek adalah masih di peringkat Perlantikan Perunding.

4. Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek-projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak bagi RMKe-11 yang sedang dilaksanakan di Sarawak mengikut Parlimen adalah seperti berikut:

Bil.	Parlimen	Bil Projek	Jumlah Bilangan Rumah
1.	P193 Santubong	1	94
2.	P202 Sri Aman	1	1,300
3.	P209 Julau	1	703
4.	P210 Kanowit	1	300
5.	P212 Sibul	2	470
6.	P213 Mukah	1	400
7.	P217 Bintulu	1	500
8.	P220 Baram	1	5,320
9.	P221 Limbang	1	850
	JUMLAH	10	9,937

Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

5. Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM383.89 juta untuk pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sarawak. Peruntukan ini melibatkan lapan (8) projek sambungan di bawah RMK-11 yang melibatkan 28 parlimen di Negeri Sarawak secara keseluruhan.

6. Di bawah RMK-11 bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019, sebanyak dua (2) projek BELB telah dilaksanakan di kawasan Julau yang telah memberi manfaat kepada 122 pemohon di kawasan tersebut.

Lampu Jalan Kampung (LJK)

7. Selain daripada itu, sebanyak 25 buah Parlimen luar dan pinggir bandar di Negeri Sarawak telah menerima lampu jalan kampung (LJK) daripada Program Pemasangan LJK Negeri Sarawak (Fasa 6S) Tahun 2018. Setiap satu parlimen ini menerima kuota sebanyak 290 unit LJK, dengan pecahan 150 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 140 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), dengan bilangan keseluruhan yang telah dipasang adalah sebanyak 7,250 unit, melibatkan peruntukan sebanyak RM11,497,500.00. Program ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mei 2019.